UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA

DATO SERI DATIN PADUKA

DR. SITI HASMAH BTE. HJ. MOHD. ALI

DI PAMERAN DAN PERTANDINGAN ORKID TAHUNAN

DI CHINESE ASSEMBLY HALL, KUALA LUMPUR

PADA HARI SABTU, 22HB DISEMBER, 1984

JAM 10.30 PAGI

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Dif-Dif Kehormat;

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Penganjur Pameran dan Pertandingan Orkid iaitu Persatuan Anggerik Selangor dan Wilayah Persekutuan yang telah menjemput saya untuk merasmikan pertandingan ini.

2. Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai iklim yang sesuai untuk penanaman orkid. Di negara ini terdapat pelbagai jenis orkid yang terkenal yang tumbuh liar dalam hutan-hutan kita umpamanya Phalaenopsis Gigantea dan Phalaenopsis Amabilis dari Sabah, Phalaenopsis Violacea dan Vanda Dearei dari Sarawak dan Arachnis Hookeriana dan sebagainya dari Lembah Kinta. Selain daripada itu kita juga telah berjaya

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

menghasilkan banyak orkid kacukan, misalnya Aranda Christine, Aranda Subang, Mokara Chark Kuan, Mokara Bibi dan Hultomara Lee Chee Kheng dan sebagainya. Selain daripada pelbagai jenis orkid yang terkenal dari hutan dan kacukan dari taman-taman bunga di negara kita, Malaysia juga terkenal dengan keratan-bunga orkid yang dipasarkan ke luar negeri. Saya percaya sekiranya kita sama-sama berusaha memperluaskan tanaman bunga orkid ini, negara kita akan menjadi salah sebuah negara pengeksport keratan-bunga orkid yang utama di rantau ini. Menanam orkid bukan sahaja boleh mencantikkan rumah dan kawasan sekitarnya, tetapi apabila diusahakan secara besar-besaran akan dapat menolong menambah pendapatan dan juga menghasilkan pertukaran asing. Inilah

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

harapan saya supaya makin ramai di kalangan masyarakat kita yang akan berminat terhadap keindahan bunga-bunga untuk dijadikan bukan sahaja perhiasan di rumah-rumah mereka, tetapi juga dijadikan sebagai salah satu hasil sampingan.

3. Cinta kepada orkid adalah universal dan merupakan salah satu hobi yang paling digemari di kalangan rakyat di negara ini. Sekalipun kita mengetahui yang penanaman orkid memerlukan masa yang lama dan penjagaan yang rapi namun kesenangan hati kita terhadap keindahan bunga-bunga tersebut tetap ada.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Tuan-tuan dan puan-puan,

4. Persatuan Anggerik Selangor dan Wilayah Persekutuan telah ditubuhkan pada tahun 1960 dan telah berkhidmat kepada penanam-penanam orkid selama hampir 24 tahun. Saya mendapat tahu bahawa Persatuan ini akan meraikan Hari Ulang Tahun Ke-25nya secara besar-besaran pada tahun hadapan. Oleh yang demikian, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Persatuan Anggerik Selangor dan Wilayah Persekutuan dan setiap ahli anggotanya dan berharap Persatuan ini akan dapat terus memberikan panduan kepada penanam-penanam orkid khususnya di Selangor dan Wilayah Persekutuan.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

5. Dengan ini, saya dengan rasa sukacita membuka Pertunjukan dan Pertandingan Orkid Tahunan anjuran Persatuan Anggerik Selangor dan Wilayah Persekutuan dengan rasminya.

Terima Kasih.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA